

Warga S'pura, warga baru hormati nilai berbilang kaum

Oleh Adli Yashir Kuchit

Berita Harian, 22 May 2012

WARGA setempat dan warga baru berkongsi nilai-nilai menghormati perbezaan kaum dan ibadah keagamaan yang berlainan di negara ini di samping kepekaan kehidupan berbilang kaum, demikian menurut dapatan satu kajian yang dikendalikan Institut Pengajian Dasar (IPS).

Namun kedua-dua golongan itu mempunyai persepsi berbeza mengenai beberapa isu lain seperti soal penggunaan bahasa dan perkhidmatan negara (NS).

Menurut Zamil Penyelidik IPS, Dr Leong Chan-Hoong, kajian itu diharap dapat memberi gambaran tentang nilai-nilai, kelakuan dan etos yang dikongsi rakyat setempat dan warga baru.

Mengenai nilai-nilai yang dikongsi sama, iaitu menerima konsep berbilang agama, kajian itu menunjukkan sebilangan besar responden meletakkan nilai tersebut sebagai nilai utama.

Kajian itu menunjukkan sebanyak 87 peratus warga setempat dan 76 peratus warga baru menyifatkan sikap hormat pada ibadah agama dan kaum yang berbeza merupakan nilai paling penting bagi mereka.

Kajian itu menemu ramah 2,000 warga setempat dan warga baru yang dilahirkan di luar negara. Mereka ditanya beberapa soalan mengenai perkara-perkara yang mereka fikir menjadi petanda utama kepada integrasi sosial.

Antara soalan itu ialah sama ada seorang pendatang baru perlu mempunyai pekerjaan, menjalani NS atau perlu bernikah dengan seorang warga tempatan sebelum diterima sebagai rakyat Singapura.

Hasil kajian itu dibentangkan dalam sidang mengenai integrasi anjuran IPS di Hotel Orchard semalam.

Turut diadakan ialah sesi dialog bersama Pemangku Menteri Pembangunan Masyarakat, Belia dan Sukan, Encik Chan Chun Sing.

Di sesi dialog itu Encik Chan membentangkan pemikiran pemerintah di sebalik pelaksanaan pelbagai dasar seperti imigrasi serta pengambilan pelajar dan bakat asing.

'Pemerintah sentiasa mengutamakan rakyat Singapura dalam setiap dasar yang dilaksanakannya,' kata Encik Chan.

Kajian IPS itu menunjukkan jurang persepsi terbesar adalah mengenai kewajiban anak lelaki daripada keluarga warga baru menjalani NS.

'Hampir 70 peratus rakyat Singapura merasakan bahawa ia merupakan petanda penting integrasi, sementara hanya kira-kira 40 peratus daripada warga baru mempunyai pemikiran sedemikian,' kata Dr Leong.

Hakikatnya, menurut beliau, para penduduk tetap (PR) berupaya menikmati semua manfaat dan keistimewaan sebagai PR, namun apabila tiba masa mereka dikehendaki menjalani NS, mereka akan meninggalkan negara ini sama sekali.

Jurang persepsi yang lain adalah mengenai keperluan mempunyai hubungan baik dengan rakan kerja di pejabat, keperluan mempunyai kerja tetap dan keupayaan bertutur dalam bahasa Inggeris.

Dalam hal-hal sedemikian, lebih ramai warga setempat berpendapat isu-isu tersebut penting bagi integrasi.

Hasil kajian itu, para penyelidik berpendapat bahawa terdapat ruang bagi Angkatan Bersenjata Singapura (SAF) meningkatkan kesedaran mengenai NS di kalangan warga baru.

Turut dialu-alukan ialah usaha memudahkan pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan warga asing di sini dan pelaksanaan program memperbaiki hubungan antara warga Singapura dengan warga asing.